

Lebih 4,000 mangsa banjir di kedua-dua negeri dipindahkan ke pusat pemindahan

Kedah, Perlis mula dilanda banjir

ALOR SETAR - Kedah dan Perlis mula dilanda banjir ekoran hujan lebat berterusan sejak kelmarin.

Ekoran itu, lebih 3,000 mangsa banjir terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir di dua negeri terbabit ekoran rumah masing-masing dinaiki air sedalam lebih satu meter.

Di Kedah, empat daerah dinaiki air iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena dan Kota Setar di mana lebih 2,000 penduduk dipindahkan dan beberapa jalan raya ditutup.

Di Padang Terap, 1,449 penduduk daripada 385 keluarga di 18 buah kampung dipindahkan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Nurul Aziati Ahmad Salmi memberitahu, mangsa dipindahkan pada pukul 7 pagi dan antara kampung terlibat ialah Mani A, Mani B, Mani C, Tanjung Labi, Kuala Janing, Felcra Tualak, Bendang Raja dan Padang Sanai.

Katanya, pusat-pusat pemindahan dibuka di dewan Kampung Mani A, surau Kampung Mani B dan Mani C, dewan Felcra Tualak, dewan Kampung Padang Sanai, bangunan Jawatankuasa Keselamatan Kampung Persekutuan, masjid Kampung Labi, masjid Kampung Tanjung dan Bendang Raja.

Tambahnya, bacaan paras air Sungai Kuala Nerang melepasi paras bahaya iaitu 19.81 meter (m) berbanding paras bahaya



TIGA kanak-kanak mengharungi air banjir yang melanda jalan Kampung Lahar, Malau, Jitra semalam.

17.07m manakala tiga lagi sungai berada pada paras berjaga-jaga iaitu Sungai Padang Sanai, Sungai Kubu dan Sungai Naka.

Di Kubang Pasu, 491 orang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan iaitu Sekolah Menengah Changlun, Sekolah Kebangsaan Malau dan Changkat Setoi.

Ketua Polis Daerah, Supritendan Sawaluddin Haminnuddin memberitahu, Kilometer 102 Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran Balai Polis Changlun dan jalan lama dari Changlun ke Sintok serta Kodiang ke Changlun ditutup.

Katanya, dua jalan utama menghubungkan Pokok Sena dengan Kuala Nerang dan Bukit Pinang turut ditutup.

Di Perlis, air di tiga sungai melimpah setelah paras air di

Empangan Timah Tasoh mencapai tahap bahaya iaitu 29.81m berbanding paras normal 29.6m.

Enam pintu Empangan Timah Tasoh dibuka untuk melepaskan 400 milimeter air bagi mengelak empangan pecah.

Ekoran itu, 1,218 orang daripada 300 keluarga di 18 buah kampung di Padang Besar, Arau dan Kangar dipindahkan ke 10 pusat pemindahan.

Jalan utama dari Kangar ke Padang Besar dan Arau pula ditutup kepada kenderaan ringan.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis, Abdullah Ali berkata, tiga pusat pemindahan dibuka di Padang Besar iaitu dewan Titi Tinggi Hilir, dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Jaafar Hassan, Chuping dan dewan Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup, Chuping.



JAMALIAH (kanan) bersama anak lelakinya, Zakaria Mahmud mengemas perkakas rumah yang tenggelam akibat banjir di Kampung Lahar, Malau, Jitra semalam.

Nenek terkejut dapur rumah ditenggelami air

JITRA - Seorang nenek terkejut apabila barangan keperluan harian di rumahnya ditenggelami air selepas pulang daripada mengutip getah sekerap di Kampung Lahar, Malau di sini semalam.

Jamaliah Nanyan, 72, memberitahu, barangan yang tenggelam termasuklah beras dan peralatan dapur lain kerana tidak sempat dipindahkan ke bahagian rumah yang tinggi.

"Ketika keluar pada pukul 7 pagi, hujan renyai-renyai dan air belum naik tetapi bila tiba di rumah dua jam kemudian, dapur rumah dipenuhi air sedalam satu meter.

"Saya tidak sangka air naik dengan cepat, barangan keperluan dapur termasuk beras habis basah ditenggelami air," katanya kepada pemberita.

Katanya, dia meninggalkan cucunya, Zulkifli Ismail, 17, di rumah tetapi dia tidak mampu berbuat apa-apa kerana patah kaki kiri

akibat kemalangan jalan raya 27 September lalu.

Jelasnya, Zulkifli dipindahkan ke bahagian rumah yang lebih tinggi dengan bantuan penduduk kampung.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Kampung Lahar, Ahmad Ishak memberitahu, air mula naik di kampung itu pada pukul 8 pagi manakala Kampung Lubuk Ipoh yang terletak di kawasan berhampiran dinaiki air sejak pukul 4 pagi.

Katanya, hujan tanpa henti sejak kelmarin dan limpahan air dari kawasan tadahan air Bukit Wang menjadi faktor kejadian banjir di beberapa kampung di sekitar Jitra dengan air naik kira-kira satu meter.

"Kawasan di sini kerap dilanda banjir tetapi kali ini lebih buruk berbanding sebelum ini," katanya.



PENGGUNA terpaksa berpatah balik apabila Jalan Arau-Kangar di Arau ditutup ekoran banjir yang melanda Perlis semalam.